Isu roboh BB Plaza

# Peniaga desak Uda pertahan bangunan


BB Plaza diroboh awal tahun depan

Peniaga diarah kosong premis untuk beri laluan projek MRT

IMBAS...laporan Harian Metro, semalam.

KUALA LUMPUR: "Kami mampu bayar sewa mengikut harga pasaran, jika itu yang dimahukan tapi janganlah bangunan ini diruntuhkan," kata wakil peniaga di Bukit Bintang Plaza (BB Plaza), Hassan Saad.

Luahan itu terbit mewakili suara 167 peniaga dengan 60 peratus daripadanya adalah Bumiputera yang mahu Uda Holdings Bhd (Uda) selaku pemilik BB Plaza, mempertahankan bangunan itu sekali gus penyewanya.

Menurutnya, mereka tidak sanggup untuk beralih ke tapak lain kerana BB Plaza adalah satu-satu kawasan perniagaan di pusat bandar raya yang masih layak dihuni peniaga Bumiputera dan wajar dibanggakan.

"Kalau tiada lagi bangunan ini, ke mana lagi peniaga Bumiputera nak pergi. Di kawasan ini (Bukit Bintang), BB Plaza adalah satu tempat yang masih ramai Bumiputera sejak zaman penubuhan lagi...itulah juga yang kita nak banggakan.

> **"Kami tak mahu bangunan ini roboh. Uda kena pertahankan. Tak kisah kalau kami perlu diletakkan ke tempat perniagaan lain untuk sementara"**
>
> >Wakil peniaga

"Kami tak mahu bangunan ini roboh. Uda kena pertahankan, begitu juga kami penyewanya. Tak kisah kalau kami perlu diletakkan ke tempat perniagaan lain untuk sementara, tapi mahu apabila selesai projek MRT di situ, kami kembali berniaga," katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini semalam.

Akhbar semalam melaporkan kenyataan Naib Presiden Kanan Pengurusan Hartanah Uda, Syed Ahmad Nazri Syed Kamaruzaman yang memberitahu BB Plaza yang berusia lebih 30 tahun akan diruntuhkan bagi memberi laluan kepada projek Myrapid Transit (MRT).

Difahamkan, kerja meruntuh pusat beli-belah milik Uda itu akan dijalankan awal tahun depan seperti dirancang, namun peniaga yang menyewa di situ sudah diarah mengosongkan bangunan menjelang Disember ini.

Hassan berkata, peniaga juga mahu jaminan mereka diutamakan (kekal berniaga), sekiranya terdapat pihak lain atau Uda sendiri yang mahu membangunkan semula BB Plaza.

"Kami mengharapkan jika BB Plaza ini dibangun semula, kami diberi keutamaan untuk berniaga. Kita mampu bayar sewa yang mungkin tinggi daripada apa dibayar sekarang, asalkan mengikut harga pasaran.

"Bangunan juga perlulah setanding dengan harga sewa ditawarkan. Kami sedia," katanya yang membayar sewa kedai sekitar RM13,000.

Ketika ini sewa kedai yang dikenakan Uda adalah antara RM2 hingga RM40 bagi setiap kaki persegi.

Bagi membantu menyelesaikan kemelut itu, Hassan berkata, mereka akan mengemukakan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak petang ini.

"Memorandum antara lain mahu Perdana Menteri masuk campur membantu kami dan menyelesaikan beberapa hal lain supaya bangunan BB Plaza ini tidak dirobohkan," katanya.